



PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

**TEKS UCAPAN
AMANAT KETUA PENGARAH
PLANMalaysia**

**PERHIMPUNAN
AWAL TAHUN 2022**

10 Februari 2022 bersamaan 8 Rejab 1443H | Khamis

Bismillahirrahmanirrahim.

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَفِ الْأَئِمَّةِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلٰىٰٰ إِلٰهٰ وَصَاحِبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum wbt, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Terima kasih saudari Pengacara Majlis,

Yang Dihormati,

Pengarah-Pengarah PLANMalaysia@Negeri, Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengurus-Pengurus Projek, Ketua-Ketua Unit, Ketua-Ketua Seksyen, Pegawai-Pegawai Kader dan OSC serta semua 630 warga (keluarga) PLANMalaysia yang saya kasihi sekalian.

1. Kita mulakan perjumpaan kita pada pagi ini dengan mengingati tarikh 27 Disember 2021, di mana Jabatan telah kehilangan seorang Ketua yang sangat kita hormati iaitu Allahyarham Datuk TPr Hj. Mohd Faidzal bin Hamzah yang telah kembali ke rahmatullah. Marilah kita bersama-sama membacakan surah Al-Fatihah buat Allahyarham dan semoga Allah swt mengampunkan segala dosanya, menerima segala amal kebaikannya, diangkat darjat disisinya serta ditempatkan di kalangan para solihin.

(Al Fatihah...)

“Sesungguhnya kita adalah milik Allah dan sesungguhnya hanya kepada-Nya kita kembali” [Al-Baqarah:155 – 156].

2. Izinkan saya memulakan ucapan dengan firman Allah S.W.T. dalam Surah Al-`Alaq :

٢ - عَلِقَ مِنَ الْإِنْسَانَ خَلَقَ ١ - خَلَقَ الَّذِي رَبُّكَ بِاسْمٍ إِفْرَأً
٥ - يَعْلَمُ لَمْ مَا الْإِنْسَانَ عَلِمَ ٤ - بِالْقَلْمَنْ عَلَمَ الَّذِي ٣ - الْأَكْرَمُ وَرَبُّكَ إِفْرَأً

(Surah Al- ‘Alaq Ayat 1 hingga 5).

Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah Yang Maha Mulia. Yang mengajar (manusia) dengan kalam. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.

Surah ini menyampaikan mesej tentang **peri pentingnya ilmu pengetahuan** dalam kehidupan kita dan kejayaan akan terhasil daripada pencarian (exploration) kepada ilmu yang seluas-luasnya, khususnya melalui pembacaan. Jadi, kita tiada pilihan, **bacalah, untuk kita menimba dan memperkayakan ilmu pengetahuan kita.**

Dalam konteks perancangan dan pembangunan bandar, tahun ini genap **101 tahun profesion perancang bandar** di negara kita. Tahun ini juga merupakan tahun di mana kita telahpun bergerak ke fasa endemic dalam menangani wabak Covid-19. Tahun ini juga menyaksikan bahawa kita sudahpun berada di **Fasa Climate Emergency** dengan pelbagai bencana alam yang berlaku. **Jadi di manakah peranan kita? Cukupkah ilmu kita?**

Betulkan kaedah, gerak kerja dan langkah kita? ...dan sebagai Jabatan yang diberi tanggungjawab (*as custodian*) `to facilitate' aktiviti perancangan, pemajuan dan pembangunan negara, sudah tentu masih banyak perkara yang perlu kita lakukan dan ini tentunya memerlukan ilmu (core knowledge dan peripheral knowledge) dan kebijaksanaan. Ilmu (termasuklah dalam bidang perancangan), semakin kita cari, ia akan semakin berkembang. Itulah yang dijelaskan oleh Allah S.W.T. dalam Surah Al-Kahfi ayat 109 yang bermaksud:

"Katakanlah: "kalau sekiranya lautan menjadi tinta untuk menulis kalimat-kalimat Tuhanmu, sungguh habis lah lautan itu sebelum habis ditulis kalimat-kalimat Tuhanmu, meskipun Kami datangkan tambahan sebanyak itu (pula)".

KATA ALUAN

3. Syukur alhamdulillah, dengan limpah dan kurniaNya, pada pagi yang berbahagia ini dapat kita berkumpul bersama-sama di program tahunan Jabatan sempena Majlis Perhimpunan Awal Tahun 2022.
4. Saya ingin menyampaikan **salam takzim YBrs. TPr Jasmiah binti Ismail** kerana beliau tidak dapat bersama-sama kita pada pagi ini. Sehubungan itu, saya telah diamanahkan untuk menyampaikan **Amanat Ketua Pengarah PLANMalaysia** (untuk kita sama-sama melihat ke belakang dan bergerak, berganding bahu, mengatur langkah ke hadapan, khususnya untuk tahun 2022 ini bagi memacu **Malaysia Makmur, Berdaya Tahan dan Sejahtera**).
5. Di kesempatan ini, saya mewakili Pengurusan Tertinggi Jabatan mengucapkan **Selamat Tahun Baharu 2022**

kepada semua warga PLANMalaysia. Saya juga ingin mengucapkan **Selamat Tahun Baru Cina** kepada semua lapisan pegawai yang menyambut dan meraikannya.

6. Dengan kehadiran tahun 2022 ini, marilah kita panjatkan doa dan kesyukuran kita ke hadrat Allah swt kerana masih diberikan **kesihatan yang baik** dan kesempatan untuk berada di majlis ini.
7. Terima kasih saya ucapkan kepada Pengarah dan seluruh lapisan pegawai Bahagian Korporat (BK) serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam mengurus dan menjayakan program kita pada pagi ini.

Keluarga PLANMalaysia yang dikasihi,

WABAK COVID-19 DAN MUSIBAH BANJIR

8. Di saat dan ketika ini, seluruh dunia masih berada dalam keresahan dan kegelisahan dengan peningkatan Varian Omicron, COVID-19 yang seakan-akan tidak mempunyai titik akhirnya. Rata-rata daripada kita masih dalam situasi berhati-hati dan berwaspada dengan **penularan Varian Omicron** yang sentiasa bermutasi dan sedikit sebanyak telah **mengubah corak kehidupan kita** kepada satu perubahan yang dikatakan sebagai '**new-norm**'.
9. Disember 2021 juga menyaksikan negara kita telah dilanda satu bencana banjir besar yang sangat meruntun jiwa seluruh rakyat yang memberi impak **kerugian ekonomi berjumlah RM6.1 billion** meliputi kerugian aset infrastruktur, tempat tinggal, kenderaan, perkilangan, premis perniagaan dan kawasan pertanian dengan **Negeri Selangor menjadi kawasan paling teruk mengalami kerugian.**

10. Di kesempatan ini, pengurusan tertinggi PLANMalaysia **merakamkan ucapan takziah dan bersympati kepada Keluarga PLANMalaysia** yang turut ditimpa musibah banjir yang berlaku. Pada masa yang sama kita amat berbangga dengan sifat ringan tulang dan permuafakatan ahli Keluarga PLANMalaysia, PLANMalaysia@Negeri, KESPERB, PERSADA dan Persatuan Penolong Pegawai Perancang Bandar yang telah turut bersama-sama menghulurkan bantuan sama ada dalam bentuk tenaga, wang ringgit dan barang-barang keperluan. Syabas dan tahniah kepada semua Keluarga PLANMalaysia yang sangat prihatin, baik hati dan berjiwa murni.

SENARIO EKONOMI GLOBAL PASCA PANDEMIK COVID-19

11. Pandemik COVID-19 telah menyebabkan seluruh ekonomi global tergendala yang memerlukan suatu **langkah pemulihan untuk kita bangkit semula (bounce back)**. Dari satu sudut, keadaan yang berlaku merupakan satu peluang untuk kita (termasuk bidang perancangan bandar) menanganinya secara “**Great Reset**”, iaitu melalui perancangan inisiatif tertentu (**new planning deals**) untuk dilaksanakan.
12. Laporan yang dikeluarkan oleh **G7 Panel on Economic Resilience** (pada Oktober 2021) telah menggariskan **7 aspek penting** yang menjadi kepentingan negara-negara maju dan membangun ke arah **membina ekonomi masa depan yang cekal**. Antaranya adalah berkaitan **kesihatan awam, alam sekitar dan kepentingan jaringan rangkaian bekalan (termasuk bekalan makanan)**.

13. Scenario dan agenda ekonomi global ini memberi gambaran dan menjelaskan bahawa sektor perancangan amat terkait dengan fenomena yang berlaku (termasuk di negara kita) yang menuntut untuk kita bersedia menerima perubahan serta dapat bertindak pantas, tuntas dan tangkas bagi memacu perancangan fizikal dan pembangunan negara. **Elemen berkaitan *urban resiliency* (daya ketahanan perbandaran)**, khususnya dalam aspek perumahan dan ruang awam wajar dijadikan keutamaan.
14. Mendepani situasi perubahan yang berlaku ini, beberapa tanggungjawab baharu perlu digalas bagi memastikan PLANMalaysia terus relevan dan signifikan sebagai agensi yang **merancang dan mengurus corak pembangunan guna tanah negara secara mampan**.

Keluarga PLANMalaysia sekalian,

SAMBUTAN 100 TAHUN PBM, SATU LAKARAN SEJARAH

15. Tahun 2021 telah melakar sejarahnya yang tersendiri di mana buat julung kalinya **Sambutan 100 Tahun Profesion Perancang Bandar di Malaysia (100PBM)** telah disambut secara rasminya pada 18 Januari 2021. Majlis sambutan 100PBM telah diadakan pada 17 November 2021 bersempena Hari Perancangan Bandar Sedunia di Hotel Zenith, Putrajaya yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob. Di dalam ucapan YAB, beliau menitip kata-kata “**Profesion perancang bandar dianggap sebagai *the silent hero* yang berada di belakang dan menjadi orang kuat kepada titik permulaan kesemua pembangunan fizikal negara**”. Ia menjadi ungkapan bersifat ‘appreciation’ daripada pemimpin tertinggi negara yang menyentuh kita semua di atas sumbangan dan jasa kita kepada negara.

16. Manakala YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican dalam ucapannya turut mengakui keperluan dan kepentingan perancang bandar tidak hanya tertumpu kepada aspek spatial, guna tanah dan pembangunan infrastruktur semata-mata, tetapi peranan perancang bandar amat besar dan signifikan khususnya ketika negara dilanda penularan wabak penyakit Covid-19. **Skop profesion perancang bandar merangkumi aspek kemakmuran, mobiliti, daya tahan ekonomi dan mitigasi dari sebarang kemungkinan wabak dan bencana pada masa akan datang.**

Keluarga PLANMalaysia yang dikasihi,

REFLEKSI TAHUN 2021

17. Berkaitan **pencapaian perbelanjaan**, alhamdulillah, secara keseluruhannya pada tahun 2021, kita telah berjaya mencapai sasaran KPI Jabatan bagi peruntukan pembangunan P.43 iaitu **sebanyak 99.91% (RM22,720,552.53)**, manakala **prestasi perbelanjaan mengurus B.43 adalah 100% (RM52,508,302)**. Syabas kepada semua yang telah berusaha dan amat komited di dalam memastikan perbelanjaan yang cemerlang ini.
18. Berkaitan dengan **pencapaian pelaksanaan projek dan program** di sepanjang tahun 2021, secara keseluruhannya juga, PLANMalaysia telah melaksanakan beberapa aktiviti penting Jabatan selaras dengan fungsi dan peranannya iaitu:
- (i) penganjuran tiga (3) kali **Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN)** di mana sebanyak 19 kertas kerja telah dibentangkan.

- (ii) Pelancaran Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (RFN4) oleh YAB Perdana Menteri semasa Majlis Sambutan 100 Tahun Perancang Bandar di Malaysia;
- (iii) Kajian berkepentingan nasional yang telah siap dilaksanakan adalah **Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara-2 (RFZPPN-2)** dan **Kajian Projek Penentuan Sempadan Bandar**;
- (iv) Penubuhan **Jawatankuasa Perancang Wilayah Bagi Negeri-Negeri Di Utara Semenanjung Malaysia** (Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Perlis) (JPW PEKA).
- (v) Bagi penyediaan **Rancangan Pemajuan**, sebanyak (7) Rancangan Tempatan dan tiga (3) Rancangan Kawasan Khas telah disediakan;
- (vi) Kajian di peringkat **Perancangan Wilayah** pula melibatkan:
- a) Kajian Semula Pelan Induk Rangkaian Ekologi-*Central Forest Spine* (CFS);
 - b) Kajian Sempadan Antarabangsa Malaysia – Thailand;
 - c) Kajian Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara; dan
 - d) Kajian Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah Laluan Rel Pantai Timur (ECRL); dan
- (vii) Dua (2) projek melibatkan pembangunan sistem iaitu Sistem Ciri-ciri Spatial Desa Malaysia (**S-CHARMS**) dan **Sistem Malaysia Urban Observatory (MUO)** Fasa 1 (sistem MUO ini akan berjalan sehingga tahun 2025).

19. Suka saya memaklumkan juga, dokumen RFN4 telah menjadi kerangka strategik utama kepada negara bagi merealisasikan **Aspirasi Malaysia Berdaya Huni** atau **Liveable Malaysia**. Aspek **daya huni dilihat sebagai salah satu parameter** yang boleh memberi nilai tambah dalam memulih dan merancakkan pertumbuhan ekonomi negara, seterusnya membentuk komuniti dan bandar yang harmoni dan sejahtera.
20. Berkaitan pelaksanaan kajian prosedur perancangan bagi memperkuuhkan Akta 172 yang menjadi tulang belakang kepada perjalanan Jabatan selama ini, sebanyak empat (4) projek di bawah kajian prosedur perancangan dan sebaran dasar iaitu:
 - i) Kajian Penyelarasan Akta Perancangan Bandar dan Desa yang diterimapakai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan;
 - ii) Kajian Pemeliharaan Pokok di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan mengikut peruntukan Bahagian VA, Akta 172;
 - iii) Kajian Pengenalpastian Kawasan-kawasan Pemajuan di bawah Seksyen 38, Akta 172; dan
 - iv) Pelan Pengurusan Pembangunan Pesisir Pantai Padang Mat Sirat – Ayer Hangat, Langkawi Kedah.
21. Satu **Malaysia Standard (MS)** juga telah berjaya dihasilkan hasil kolaboratif PLANMalaysia dengan Jabatan Standard Malaysia iaitu **MS ISO 37122:2021 (Indikator Bandar Pintar)**. Ia merupakan satu Standard yang julung-julung kali digubal diterajui oleh PLANMalaysia. Standard ini akan menjadi satu asas dalam menentukan ‘kepintaran’ sesuatu bandar bagi tujuan perancangan dan juga pensijilan bandar pintar di masa hadapan.

22. Selain itu, Jabatan juga telah berjaya menghasilkan **pelbagai garis panduan perancangan** seperti Garis Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar (GPP-PSB), GPP ‘Centralised Labour Quarters’ (CLQ) dan ‘Temporary Labour Quarters’ (TLQ), GPP Ladang Solar, GPP Pembangunan Tanah Bawah Tanah, GPP Tanah Lapang, GPP Kemudahan Masyarakat, GPP Bandar DiRaja (**akan dibentangkan di Mesyuarat Majlis Raja-Raja**) dan sebagainya.

Keluarga PLANMalaysia sekalian,

23. Mengimbau kembali perjalanan tahun 2021, Jabatan telah berjaya melaksanakan puluhan program dengan jayanya. Antara yang utama adalah:

- i) Memenangi **Gold Award Winner: Sustainable Development Goals International Innovation Awards** anjuran Malaysia Technology Expo 2021: *Integrated Land Use Planning Information System (I-Plan) Application in Urban Planning and Management* pada 7 September 2021;
- ii) **Pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBoR)** di atas pencapaian Penyediaan Pelan Guna Tanah Terpantas bagi Bandar Kuala Kubu Bharu dengan konsep *From Garden City to Smart Garden City* dalam tempoh 1 jam yang dirasmikan oleh YBhg. Datuk KSU KPCT pada 2 November 2021;
- iii) **Sambutan 100 Tahun Profesion Perancang Bandar di Malaysia** sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia Tahun 2021 (HPBS 2021) pada 17 November 2021 yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri

(Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih semua PLANMalaysia@Negeri yang telah menganjurkan pelbagai program dan acara bagi meraikan sambutan 100 Tahun Profesional Perancangan Bandar di sepanjang tahun 2021 lalu);

- iv) **Penganjuran PLANMalaysia CityTALK 2021: Bicara 100 Tahun Perancangan Bandar di Malaysia** (Malaysia's 100-Year Town Planning Story) secara virtual pada 13 September 2021;
- v) **Diskusi Nasional Daya Huni Malaysia:** Aspirasi Belia ke Arah Negara Berdaya Huni pada 11 Disember 2021 di KLCC; dan
- vi) Perasmian **Projek Showcase Healthy City Bandar Jerantut di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat 2021** pada 12 Disember 2021 di Jerantut, Pahang dirasmikan oleh YBTM KPKT.

24. Jabatan juga telah berjaya melaksanakan **dua (2) program pengantarabangsaan**, iaitu bersama:

- a. **UK PACT** (UK Partnering for Accelerated Climate Transition) dalam pembangunan sistem perancangan bandar rendah karbon (**MYEcoPlan**) secara kolaborasi dengan syarikat dan agensi tempatan Eco-Ideal Sdn Bhd, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) dan IRDA; dan
- b. **IGES** (Institute for Global Environmental Strategies) dalam **Program SDGs Frontrunner Cities** secara kolaboratif dengan Kementerian Air dan Sumber Asli (KASA).

25. Sudah tentunya kita berasa bangga di atas pelbagai produk yang telah dihasilkan dan program yang dilaksanakan oleh Jabatan pada tahun 2021. Untuk itu, amatlah penting untuk kita memastikan program sebaran dan perkongsian dilaksanakan secara kolaboratif bagi menguji produk jabatan yang seharusnya memenuhi kehendak dan ekspektasi semua pihak.
26. Dalam hal ini, saya amat mengharapkan kerjasama dan muafakat daripada semua Keluarga PLANMalaysia yang saya sayangi untuk terus memberikan perkhidmatan yang melebihi kebiasaan (kelaziman) agar kewujudan Jabatan sentiasa relevan di hati Kerajaan dan rakyat.

Keluarga PLANMalaysia yang dikasihi,

WAY FORWARD TAHUN 2022

27. Tentunya tahun 2021 memberikan kita seribu satu kenangan yang menjadikan kita insan yang cekal, sentiasa bermotivasi, sentiasa mensyukuri nikmat yang dikurniakan dan merasa seronok bekerja (**When you like your work, every day is a holiday” - Frank Tyger : American Journalist**).
28. Di dalam fasa pemulihan ini, sebagaimana yang saya tekankan di bahagian awal tadi, kita perlu sentiasa **peka kepada perubahan**. Era pasca pandemik ini banyak yang perlu dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bagi **merawat keresahan rakyat, membina semula keyakinan rakyat dan menepati ekspektasi rakyat**, sebagaimana ditekankan oleh YB Menteri KPKT di dalam Ucapan Amanat Tahun Baharu 2022. Ini sudah tentunya dapat diterjemahkan melalui program dan inisiatif di PLANMalaysia.

29. Justeru, adalah penting untuk semua warga PLANMalaysia sentiasa menjadikan '**urgency**' dalam setiap tugas serta tidak berlengah-lengah melaksanakan tugas yang telah diamanahkan **secara berjamaah dan tidak bersifat 'silo mentality'**. Usaha perlu sentiasa dilipatgandakan dan menjadikan kita seorang yang suka bereksplorasi dalam mencari solusi yang kreatif, inovatif dan praktikal bagi sasaran kerja tahun 2022.
30. Inilah pendekatan yang saya ingin tekankan kepada semua warga PLANMalaysia ke arah mencapai kepuasan berkerja (**job satisfaction**) yang akan menjadikan kita individu yang produktif dan lebih berjaya. Dengan itu, saya ingin menyeru kepada semua untuk mewujudkan dalam diri masing-masing perasaan **sense of belonging, esprit de corps** (semangat kekitaan/kebersamaan) dan menyerahkan **heart and soul** (jiwa dan raga) kepada organisasi dan bidang tugas kita berkaitan perancangan bandar dan desa.

Penetapan Key Performance Indicator (KPI) 2022

31. Untuk makluman semua, bagi tahun 2022 sebanyak **29 Key Performance Indicator (KPI)** Jabatan telah disenaraikan yang melibatkan semua Bahagian dalam PLANMalaysia dan satu (1) daripadanya telah disenaraikan sebagai **Ministerial Performance Indicator (MPI)** YB Menteri KP KT, iaitu **Pembangunan Kerangka Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM)**. Manakala dua (2) program lain iaitu **Pembangunan Sistem Malaysia Urban Observatory (MUO)** Fasa 1 dan **program Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar Luar Bandar Malaysia (MURNInets) Versi 2.0** disenaraikan sebagai **Key Performance Indicator (KPI)** KSU KP KT.

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)

32. Bagi mengukuhkan tadbir urus Jabatan dan membudayakan integriti yang tinggi di kalangan warga PLANMalaysia, Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) merupakan dokumen rujukan yang amat penting untuk difahami dan dilaksanakan oleh setiap Keluarga PLANMalaysia. Pada tahun ini, Jabatan akan mendapatkan pensijilan bagi **MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti Rasuah (AntiBribery Management System – ABMS)**. Oleh itu saya berharap semua warga PLANMalaysia dapat bersedia dan memberi sokongan penuh ke arah usaha ini.

Pelan Tindakan Pelan Strategik PLANMalaysia (PTPSJ) 2022

33. Seperti semua sedia maklum, Pelan Strategik PLANMalaysia 2021-2025 merupakan dokumen rujukan utama Jabatan bagi **memastikan perancangan kerja yang strategik dan tersusun untuk tempoh lima (5) tahun**. Bagi tahun ini, program utama yang telah digariskan adalah:

- i. Tujuh (7) kajian Rancangan Tempatan;
- ii. Lima (5) kajian Rancangan Kawasan Khas;
- iii. **Penyediaan Kerangka Pengukuran iDAM;**
- iv. **Pengukuran Tahap Daya Huni Malaysia;**
- v. Kajian `Performance Based Land Use Zoning’;
- vi. Memperkasa pelaksanaan Akta 172 melalui penyediaan tatacara dan program hebahan;

- vii. Memperkuatkan **pangkalan data perancangan** melalui pembangunan platform MUO Fasa 1 dan menaiktaraf dan perluasan Sistem Maklumat Guna Tanah Perancangan Bersepadu (I-PLAN); serta
 - viii. Melaksanakan projek fizikal dan showcase project, meliputi program bandar selamat (**projek pemutihan kawasan 'blackspot' jenayah** – kerjasama dengan KDN/PDRM dengan **peruntukan RM40 juta** untuk tahun 2022-2025), Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) Healthy Walkable City – kerjasama dengan KKM), **panduan perancangan dan standard bagi micro-mobility** (kerjasama dengan MIROS), Localising Rancangan Pemajuan (LCRP) dan lain-lain.
34. Berdasarkan **Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)** yang telah diluluskan pada 7 Oktober 2021, peruntukan yang diterima PLANMalaysia adalah sebanyak **RM24.05 juta bagi Perbelanjaan Pembangunan (P.43) Rolling Plan 1** dan **RM56.83 juta bagi Perbelanjaan Mengurus (B.43)**.

Keluarga PLANMalaysia yang dikasihi,

GERAK KERJA 1 : 'MAINSTREAMING' PERANCANGAN BANDAR DALAM KONTEKS NEGARA (RMK-12)

35. **Makmur, Inklusif dan Mampan** merupakan Aspirasi Nasional dalam mewujudkan sebuah Keluarga Malaysia sebagaimana tercatat dalam dokumen Rancangan Malaysia Ke-12. Adalah menjadi harapan saya agar dokumen RMK-12 ini diteliti oleh kita semua kerana banyak perkara yang disentuh berkait rapat dengan tanggungjawab

PLANMalaysia. Contohnya, telah dinyatakan “**pada tahun 2025 sebanyak 120 buah bandar disasarkan mencapai status bandar mampan. Bagi tujuan ini, pelaksanaan inisiatif Pelan Tindakan Bandar Hijau dan sistem analitik data raya pelbagai dimensi akan diperkenalkan.**”

36. Bukan itu sahaja, dalam dokumen tersebut juga ada menyebut bahawa “**Pelan rangka tindakan ekonomi biru akan diperkenalkan untuk menentukan hala tuju pembangunan kawasan pesisir pantai dan marin secara mampan.**” Walaupun disebut di sini adalah berkaitan ekonomi biru, tidak salah untuk kita yang telahpun mengeluarkan dua siri dokumen berkaitan **persisiran pantai** (Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara-2 : (RFZPPN-2) untuk berantisipasi (mengambil pendekatan proaktif) ke atas pernyataan tersebut.
37. Berkaitan dengan isu Geo-bencana, khususnya banjir, baru-baru ini YAB Perdana Menteri Ketika mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) telah menyentuh berkaitan peranan perancang bandar dalam penyelesaian masalah banjir di mana “**kelulusan pelan perancangan bandar hendaklah mengambil kira tentang risiko banjir.**” Dalam perbahasan Dewan Rakyat juga telah disentuh berkaitan **GPP Bandar Berdaya Tahan Bencana di Malaysia.** Tidak dapat tidak, Jabatan kita sememangnya mempunyai peranan khusus untuk turut sama berganding bahu dalam menangani isu banjir ini.
38. Dalam hal ini kita perlu bersifat “anticipate”, ‘respond proactively’ dan ‘raise the bar’ bagi mengenalpasti ‘**game changer in urban planning**’ yang dapat membantu memperkuuhkan agenda perancangan pembangunan negara dan menyelesaikan masalah-masalah rakyat dan

bandar. Eksplorasi kepada agenda/perkara baharu seperti **micro planning/neighbourhood planning (will act as the fourth tier of urban planning hierarchy, konsep 15-minutes cities (self-contained city), sponge cities, evidence based planning (future proof), `urban management planning'** dan sebagainya perlu diteruskan dan diberi perhatian.

39. Justeru, bagaimakah untuk kita **add value kepada inisiatif semasa** terutamanya dalam ‘core business’ kita iaitu penyediaan dokumen rancangan pemajuan? Untuk itu, penyediaan dokumen RS, RT dan RKK serta proses kawalan perancangan sewajarnya memasukkan elemen *low carbon cities*, analisis geo-bencana, *scenario planning* serta penggunaan simulasi 3D dan 4D. Disarankan juga supaya untuk tahun-tahun akan datang, tidak salah kita memasukkan skop **‘showcase project’ sebagai ‘test bed’** dalam penyediaan dan pelaksanaan rancangan pemajuan.
40. Penekanan juga perlu diberikan kepada pemikiran dan agenda **Small Action, Big Impact** kepada produk kita. Sebagai contoh, bagi RT dan RKK, kita perlu mengusahakan ‘follow through exercise’ melalui **penyenaraian cadangan projek** (menyediakan LFM, anggaran kos, outcome dan impak) dan dikemukakan kepada agensi-agensi pelaksana di peringkat negeri dan daerah. Ini menggambarkan peri pentingnya kita untuk berfikir dan bertindak secara melangkaui kelaziman ke arah **localizing and merakyatkan rancangan pemajuan**.

Keluarga PLANMalaysia sekalian,

GERAK KERJA 2 : ‘POSITIONING’ PLANMALAYSIA DALAM KONTEKS KPKT

Malaysia Berdaya Huni (Liveable Malaysia)

41. Menerusi bajet 2022, pihak KPKT mendokong **Agenda Malaysia Berdaya Huni (Liveable Malaysia)** secara keseluruhannya dengan memperkasakan **agenda perumahan serta kesejahteraan komuniti**. Sebanyak **RM5.25 bilion** telah diperuntukkan kepada agenda besar ini.
42. Memetik ucapan YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di dalam Majlis Amanat KPKT Tahun 2022, **enam (6) fokus Malaysia Berdaya Huni** iaitu;
 - (i) **FOKUS PERTAMA** – Memastikan penyediaan rumah mampu milik yang mencukupi dan berkualiti.
 - (ii) **FOKUS KEDUA** – Mengarus perdana pendigitalan dalam penyampaian perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
 - (iii) **FOKUS KETIGA** – Memperkasa pembangunan komuniti bandar;
 - (iv) **FOKUS KEEMPAT** – Mempertingkat kesiapsagaan kebombaan dan penyelamatan;
 - (v) **FOKUS KELIMA** – Mengutamakan kemampunan bandar, pembangunan dan daya tahan Bandar Hijau; dan
 - (vi) **FOKUS KEENAM** – Mentransformasi pengurusan sisa pepejal ke arah pembangunan ekonomi kitaran.

43. Justeru, kita sewajarnya melihat di mana kedudukan Jabatan kita, bidang tugas kita dalam KPKT sendiri. Saya suka menegaskan bahawa “*town planning is about facilitation*”. **How we can facilitate and complement KPKT and other departments to achieve the goals that has been set.**

iDAM, RFN Ke-4 dan Bandar Berdaya Tahan

44. Secara umumnya, keenam-enam fokus Malaysia Berdaya Huni boleh dicapai melalui pelaksanaan **Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM)** yang mana, Jabatan sedang dalam usaha mendapatkan aspirasi dan suara rakyat bagi membangunkan **Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM)**.
45. iDAM sebagai ‘**the Grand Agenda KPKT**’ dan tentunya menjadi ‘**big move to PLANMalaysia**’ merupakan kaedah **pengukuran berimpak tinggi** yang akan mengukur tahap kesejahteraan penduduk di peringkat bandar dan komuniti (semua lokaliti). Kriteria-kriteria yang digariskan dalam RFN Ke-4 akan menjadi sebagai asas kepada sistem penilaian dan pengukuran kesejahteraan dan kemampuan bandar, yang ‘**ultimate aim**’nya adalah untuk membantu kerajaan dalam memberi gambaran terkini terhadap **tahap kesejahteraan, taraf hidup dan daya huni rakyat**.
46. Justeru, adalah menjadi tugas utama Jabatan bagi tahun 2022 untuk terus menerus mempromosikan, menggerakkan, melaksanakan, membedah secara bersama-sama **dokumen RFN Ke-4**. RFN Ke-4 harus dijadikan dokumen rujukan utama (**mother document**) dalam merangka segala projek dan program jabatan. Saya mengharapkan, setiap warga PLANMalaysia baik di PLANMalaysia ibu pejabat,

Pejabat Projek, di negeri termasuklah pegawai-pegawai kader dan di OSC PBT untuk sentiasa merujuk dan mewarwarkan dokumen RFN Ke-4. Aktiviti sebaran ini tidak hanya terletak pada bahu BRFN dan BK semata-semata, tetapi kita semua.

Keluarga PLANMalaysia sekalian,

GERAK KERJA 3 : LIPUTAN MEDIA DAN `SOCIAL MEDIA`

47. Alhamdulillah, semasa perasmian HPBS 2021 dan pelancaran RFN4, kandungan program PLANMalaysia telah mendapat liputan yang luas (dalam media cetak dan media sosial). Apa pun saya mengharapkan aspek liputan media (media plan) perlu dipertingkatkan. Harapan saya juga, dengan mengambilkira jumlah millennials (49%) dan generasi Z (11%) di Jabatan kita (melebihi daripada separuh), yang sudah tentu sangat aktif di media sosial baik di twitter, facebook, instagram, tiktok dan sebagainya, wajarnya menggunakan platform-platform tersebut sekali sekala untuk sama-sama mempromosikan produk-produk Jabatan serta ilmu-ilmu perancangan bandar sekaligus mendidik `followers` dan `netizen`.
48. Saya tahu, yang selalu share aktiviti serta opinions yang bermanfaat seperti En. Syahmi, En. Farabi, Cik Siti Zalina dan ramai lagi. Tidak rugi malahan mendatangkan lebih banyak kebaikan selaras dengan Amanat YB Menteri untuk **memperhebatkan POLITIK GAMBAR (PoliGam)**. Di mana, media sosial KPKT tidak hanya tertumpu kepada aktiviti YBM, malahan mana-mana aktiviti oleh Bahagian-Bahagian serta agensi di bawah KPKT. Perkara yang sama juga saya ingin minta agar dapat diterapkan dalam media sosial Jabatan dengan tidak hanya tertumpu kepada aktiviti

oleh Pengurusan Tertinggi sahaja. Semua aktiviti kajian, projek yang bersesuaian boleh dimuatnaik ke Facebook Jabatan dan peribadi.

49. Dalam hal ini, '***social media content, skills and behaviour***' sangat penting. Kita perlu bergerak seiring perkembangan semasa. Dan, saya juga ingin melihat kita berkerjasama rapat dengan TV KPCT dan Radio KPCT dan sudah tentu saya yakin sudah ada warga PLANMalaysia berada dalam (hashtag) #PasukanKPCT yang mempromosikan produk jabatan di FB KPCT.
50. Adalah menjadi keperluan juga kepada semua lapisan pegawai untuk **mempertingkatkan communication skills** dengan melayari pelbagai platform media digital. Sebagai contoh, kitab boleh explore ilmu berkaitan **komunikasi dan penyampaian** '**speech**' dan **persembahan** yang berkesan melalui **youtube** dan aplikasi **TEDTalk**.

Keluarga PLANMalaysia yang dikasihi,

**GERAK KERJA 4 : PLANNING BEYOND CONVENTIONAL -
MEMPERKUKUHKAN HALATUJU DAN PENGURUSAN
JABATAN**

51. Sebagai rumusan, demi merealisasikan tagline PLANMalaysia "**Planning Beyond Conventional**", yang menjadi semakin relevan bersempena **101 Tahun Profesion Perancang Bandar di Malaysia (101 PBM)**, saya mewakili pengurusan tertinggi PLANMalaysia memberi komitmen untuk **memperkukuhkan hala tuju dan pengurusan jabatan** melalui **enam (6) kaedah (modus operandi)** berikut, iaitu **FOCUS, COMPLEMENT, COLLABORATE, LISTEN, CARE** dan **EMPOWER**.

52. Yang Pertama - **FOCUS**

- Jabatan memberi komitmen untuk memberi fokus kepada **projek yang berimpak tinggi berdasarkan outcome (outcome based development planning)**.
- Semua bahagian perlu merangka projek yang menyumbang kepada outcome dan **agenda besar yang sama**, supaya lebih berimpak (**iDAM, RFN4, MUO, Smart City, Penyediaan Rumah Mampu Milik – Fokus Pertama KPCT, Kemampanan Bandar, Bandar Berdaya Tahan dan Bandar Rendah Karbon – Fokus Kelima KPCT**).
- Projek – projek yang dilaksanakan di bahagian – bahagian seboleh - bolehnya **melengkapi satu sama lain** (showcase project di peringkat RT/RKK melibatkan PPZ).
- Kita harus ingat bahawa **Great things in business are never done by one person** (Steve Job).
- *Dan yang paling penting adalah To Add value to existing initiatives/ core business kita.*

53. Kita juga harus terima hakikat bahawa kejayaan bidang perancangan bandar tidak akan dapat direalisasikan tanpa kerjasama yang erat di antara jabatan dengan kementerian, agensi - agensi di peringkat tempatan (mahupun antarabangsa) juga pihak swasta.

54. Justeru itu, melalui **kaedah kedua**, PLANMalaysia perlu bersifat **COMPLEMENT**,

- iaitu sentiasa memberi **khidmat nasihat kepada pengurusan tertinggi KPCT** dalam perancangan halatuju kementerian dan memainkan peranan yang

penting dalam **proses perancangan** bagi projek dan program yang dilaksanakan di KPKT.

- Projek dan kajian yang dilaksanakan di Jabatan boleh bersifat **melengkapi program di KPKT (Contohnya dalam Penyediaan Rumah Mampu Milik yang menjadi Fokus Pertama KPKT)**, tindakan boleh dibuat dengan **mengenalpasti 'land bank'** untuk rumah mampu milik dan tidak salah untuk kita bantu sehingga ke **peringkat penyediaan pelan tapak dan pelan susun atur perumahan**.

55. Ketiga – **COLLABORATE**

Pihak pengurusan akan terus memberi komitmen terhadap program – program kolaborasi jabatan bersama institusi antarabangsa, agensi kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan, MIP, URBANICE Malaysia dan Universiti.

a. Institusi Antarabangsa

- Jabatan akan meneruskan program kolaborasi dengan UK PACT dan IGES melalui **pelaksanaan Fasa kedua Program MYEcoPlan dan SDGs Frontrunner Cities** pada tahun 2022.
- Usaha pengantarabangsaan jabatan akan dipertingkatkan melalui **pemohonan geran penyelidikan antarabangsa**, terutamanya dalam bidang perubahan iklim dan pengurusan bencana.
- Mencari peluang kerjasama dengan **UN-Habitat**, International Livability Rating Bodies (**Mercer**, EIU, Monocle), **World Bank Cities** (yang mempromosikan tanda pagar cities for all (#cities4all) dan sebagainya.

b. Agensi Kerajaan

- Jabatan juga akan melaksanakan projek usaha sama dengan kementerian dan agensi kerajaan, bagi **meningkatkan buy-in produk jabatan (EPU, KASA, KETSA, KDN, KWP, DOSM, JPS, JMG, PBT, i-KPKT)**.

c. MIP / URBANICE Malaysia

- Kerjasama dengan MIP dan URBANICE Malaysia berkaitan 'research activities', 'promoting new urban planning initiatives', **penganjuran forum antarabangsa**, anugerah perancangan cemerlang dan sebagainya akan diselaraskan, terutamanya dari segi **timeline dan kandungan aktiviti**.

d. Universiti

- Jabatan akan terus menjalankan kajian secara kolaborasi dengan pihak universiti (UTM, USM, UM).
- Kebolehlaksanaan penyediaan **geran penyelidikan** kepada universiti akan dikaji, supaya universiti dapat menjalankan *applied research* yang lebih relevan dengan industri, dan Jabatan boleh mendapat input penyelidikan dalam menambah nilai (*value add*) produk jabatan berdasarkan 'evidence based study'.

e. Komuniti, NGO dan Pihak Swasta

- Selaras dengan agenda Malaysia Berdaya Huni, fokus jabatan perlu beralih kepada **perancangan yang berasaskan komuniti (fourth tier of urban**

planning) (UK Planning System – memperkenalkan Local Development Framework).

- **Community Action Plan** yang merupakan inisiatif bottom-up akan dirangka melalui perlantikan **rakan strategik** yang terdiri daripada komuniti tempatan, NGO dan pihak swasta, yang lebih memahami isu dan situasi peringkat tempatan.
- Kaedah ini akan menghasilkan **urban solution** yang lebih praktikal dan berkesan melalui input daripada akar umbi masyarakat yang secara langsung dapat menambahbaik kualiti produk jabatan (contoh: *disaster preparedness*).
- Kolaborasi dalam penyelidikan perancangan/pembangunan bandar dan ‘urban solution sharing’ dengan **Khazanah Research Institute (KRI), ThinkCity, Penang Institute, NAHRIM, IKRAM, FRIM, WWF, MIROS** dan lain-lain akan dipergiatkan.

56. Dari segi halatuju pengurusan jabatan, pihak pengurusan akan mengamalkan kaedah yang **keempat - LISTEN**,

- Jabatan akan mengadakan **Town Hall** secara berasingan dengan stakeholders (Contoh : PBT, pemaju, universiti, komuniti) bagi mendapatkan input halatuju perancangan, serta
- Akan mengambil sikap keterbukaan (**Open door policy**) **kepada kakitangan PLANMalaysia** dalam mendengar pandangan (keluh kesah) kakitangan jabatan (termasuk pegawai-pegawai OSC) sama ada melalui sesi town hall atau secara bertulis.

57. Kelima - **CARE**

- Saya difahamkan, penempatan pegawai jabatan dilaksanakan berdasarkan pelbagai faktor seperti ***career path, kepakaran, lokasi kediaman*** dan sebagainya.
- Insyallah, **kesejahteraan pegawai** akan menjadi keutamaan Jabatan.
- Justeru itu, saya mengharap pihak pengurusan tertinggi untuk mempertimbangkan **faktor jarak dari pasangan dan keluarga dijadikan antara kriteria utama kepada penempatan pegawai**.
- Berkaitan pembangunan sumber manusia, jabatan akan memberi perhatian yang serius kepada aspek **proses dan kecekapan urusan kenaikan pangkat**.

58. Keenam - **EMPOWER**

- Jabatan juga akan cuba melaksanakan penempatan mengikut ***the right people at the right place***.
- Pegawai yang mempunyai kepakaran tertentu akan bertindak sebagai **duta jabatan**, membangunkan networking jabatan.
- **Pegawai – pegawai junior** juga akan diberi peluang dalam pembentangan seminar, webinar dan mesyuarat-mesyuarat utama di peringkat jabatan, kementerian dan agensi pusat.
- Dari segi pembentukan **SME (subject matter expert)**, jabatan akan cuba mengusahakan pengisian di beberapa bahagian yang bersifat *non-transferable* yang akan dibuka sebagai pilihan kepada pegawai – pegawai.

- Kita juga akan meneruskan agenda `to empower' **modal insan pegawai** dengan meningkatkan ilmu berkaitan *evidence-based planning, science (in addition to art) in urban planning*. Harapan jabatan supaya dalam **zaman pendigitalan** (digitalisation age) ini, **warga jabatan tidak tertinggal** untuk memahami aspek-aspek berkaitan *artificial intelligence, big data, data analytics, 3D printing, internet of things, virtual realities dan sebagainya*.

Keluarga PLANMalaysia yang dikasihi,

PENUTUP

59. **Kuat berdiri pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanahnya.**

*Tegak rumah kerana tiang,
Tiang menyokong papan dan bata,
Tegak kita kerana juang,
Juang mendokong organisasi kita.*

60. Saya pohon agar semua lapisan pegawai (HQ, Negeri, Kader dan OSC) untuk terus mempergiatkan usaha bagi memperkuuhkan fungsi dan peranan PLANMalaysia di peringkat daerah, negeri dan negara, agar kita terus kekal relavan (dihargai dan dihormati) dalam menangani dan menyelesaikan isu-isu pembangunan bandar dan rakyat. Kita akan pertahankan amanah yang telah diberikan kepada jabatan sebagai **`the custodian of urban planning in Malaysia'**.

61. Akhir kalam, saya menyeru kepada semua (keluarga besar PLANMalaysia) untuk kita berganding bahu memikul amanah besar negara dan rakyat secara bersama (togetherness) dengan semangat kerja berjamaah (teamwork) dan ta'awun (tolong menolong), sentiasa bersyukur, menyayangi dan ikhlas untuk kita sama-sama melayari dan memacu agenda PLANMalaysia (khususnya untuk tahun 2022 ini), ke arah **Malaysia Makmur, Berdaya Tahan dan Sejahtera.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.